



یونیورسیتی کے گسان ملیسیا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN TUN SERI LANANG, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03 8925 0199 / 8921 5841 / 8921 5833 Fax : 03 8925 6067

E-mel : kpustaka@pkrlsc.cc.ukm.my Laman web : <http://www.ukm.my/library>

Pejabat Ketua Pustakawan

UKM 3.7/204/36-1 Jld. 4

18 November 2002

Puan Shahrozat Ibrahim
Perpustakaan Negara Malaysia

Cik Molly Chuah
Perpustakaan Universiti Malaya

Puan Hajjah Laila Hassan
Perpustakaan Universiti Putra Malaysia

Puan Rapeeah Ahmad
Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

Puan Mazmin Mat Akhir
Perpustakaan Universiti Utara Malaysia

Puan Noraziah Sharuddin
Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia

Cik Kalsom Sharif
Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Cik Masnah Hj. Abdul Karim
Perpustakaan Universiti Teknologi MARA

Encik Md. Yazid Muji
Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional

Cik Siti Khabshah Masrom
Perpustakaan Universiti Multimedia Telekom

Puan Rabiatul Ahya
Perpustakaan Universiti Teknologi PETRONAS

Cik Anna Michael
Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah

Puan Margaret Simeng
Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak

Cik Aishah Mohd Nasir
Perpustakaan Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia (KUSTEM)

Puan Hajah Faridah Hj. Md. Amin
Perpustakaan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

Puan Foyziah Ahmad Nasuruddin
Perpustakaan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM)

Puan Maimunah Kadir
Perpustakaan Hospital UKM

Encik Tusiman Mingun
Puan Hafsa Mohd
Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia

Tuan/Puan,

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL
BIL. 6/2002**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan bersama-sama ini disampaikan sesalinan minit mesyuarat tersebut untuk perhatian/tindakan/ makluman tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"Perpustakaan Penjana Generasi Bermaklumat"

Yang benar,


PUTRI SANIAH MEGAT ABD. RAHMAN
Ketua Pustakawan/
Pengerusi
JKK Pangkalan Data Komersil

PS/fmn

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL
BIL. 6/2002

Tarikh : 5 November 2002
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat, Aras 5
Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM Bangi

Yang Hadir

Puan Putri Saniah Megat Abd. Rahman (UKM) – Pengerusi
Puan Asmaniza Mansor (UUM) – Wakil Puan Mazmin Mat Akhir
Cik Rosmawati Ramli (KUSTEM) Wakil Cik Aishah Mohd. Nasir
Puan Foyziah Ahmad Nasuruddin (KUKUM)
Puan Korina Ibrahim (UNIMAS)
Cik Molly Chuah (UM)
Puan Rapeeah Ahmad (USM)
Puan Hafsa Mohd (UKM) -- Setiausaha

Tidak Hadir Dengan Kenyataan

Cik Anna Michael (UMS)
Puan Faridah Hj. Md. Amin (KUTKM)
Cik Kalsom Sharif (UIAM)
Puan Hawa Abdul Majid (UPM)
Puan Maimunah Kadir (HUKM)
Cik Masnah Hj. Abdul Karim (UiTM)
Encik Md. Yazid Muji (UNITEN)
Puan Noraziah Sharuddin (UTM)
Puan Rabiatul Ahya Mohd. Shariff (UTP)
Puan Sharozat Ibrahim (PNM)
Cik Siti Khabshah Masrom (MMU)
Encik Tusiman Mingun (UKM)

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir.
- 1.2 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan:
 - 1.2.1 Garis Panduan perolehan Jurnal Elektronik/PDK
 - 1.2.2 Hal-hal berbangkit

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 5/2002

Minit Mesyuarat disahkan dengan pindaan:

Senarai yang hadir: **Cik Asmaniza Mansor** ditukar kepada **Puan Asmaniza Mansor**

3.0 LAPORAN PERDANA

- 3.1 Kertaskerja ‘Permohonan Peruntukan Langganan Pangkalan Data Komersil Bagi Sistem PERDANA’ telah dimajukan kepada Kementerian Pendidikan dan semua ahli JKK PDK.
 - a. Pembetulan di hal 3.2.1 (ii): Kini **15** IPT menawarkan program kejuruteraan iaitu UIAM, UNIMAS, UNITEN, UTM, UKM, UM, UMS, UPM, UTP, KUITTHO, KUKUM, UiTM, KUTKM, MMU dan **USM**
 - b. Kementerian Pendidikan belum memberikan sebarang respon kepada permohonan tersebut
- 3.2 Seminar Perpustakaan Digital akan diadakan pada 17-19 Disember 2002

4.0 LANGGANAN PDK SECARA KONSORTIUM

- 4.1 IOP (institute Of Physics)
 - 4.1.1 Sebutharga dari IOP telah diperolehi. Invois dan surat perjanjian akan dihantar ke setiap institusi yang melanggan
 - 4.1.2 Institusi yang menyertai konsortium ini ialah: UM, USM, UKM, UPM, UTM, UIAM, UiTM, UTP, MMU, UMS, IMU, KUiTHHO, KUKUM dan KUTKM.
- 4.2 Emerald
 - 4.2.1 Kos langganan adalah seperti yang dicadangkan pada 15/5/02 iaitu setiap institusi perlu membayar GBP10,583 (sekiranya 9-20 institusi melanggan)
 - 4.2.2 Institusi-institusi yang bersetuju untuk melanggan Emerald secara konsortium ialah: UKM, UMS, UPM, UUM, UiTM, UTM, UIAM, KUSTEM, UNIMAS, UNITEN dan KUTKM.
 - 4.2.3 Pihak Emerald akan menghantar invois dan surat perjanjian kepada setiap institusi yang melanggan

4.3 Science Direct

- 4.3.1 Mesyuarat telah membincangkan tawaran yang dimajukan oleh pihak Elsevier sekiranya sesebuah institusi ingin melanggan ScienceDirect secara dalam talian sahaja. Contoh perkiraan untuk UPM telah diteliti.
- 4.3.2 Mesyuarat ingin mendapatkan kos terperinci bagi jurnal Academic Press dan Harcourt.

Tindakan: Sekretariat JKK PDK

4.4 PsycARTICLES

- 4.4.1 Sebutharga dari NISC telah diperolehi. PsycARTICLES perlu dilanggan bersama-sama PsycINFO. Kos adalah tertakluk kepada FTE (Full Time Equivalent) di setiap institusi
- 4.4.2 Institusi yang telah melanggan PsycINFO ialah: UIAM, MMU, UKM, UM dan UUM
- 4.4.3 UUM telah melanggan PsycARTICLES melalui Access Dunia. Mesyuarat bersetuju untuk mendapatkan sebutharga dari Access Dunia

Tindakan: Sekretariat JKK PDK

4.5 IEL/IEEEExplore

- 4.5.1 United Technology telah menghantar sebutharga IEL/IEEEExplore untuk tahun 2003.
- 4.5.2 Kos langganan secara konsortia adalah USD73,500 setiap institusi kecuali MMU yang melanggan 2 lesen (USD 73,500+USD42,000=USD115,500).
- 4.5.3 KUKUM dan KUTM berminat untuk menyertai konsortium ini.

5.0 GARIS PANDUAN PEROLEHAN JURNAL ELEKTRONIK/PDK

- 5.1 Satu garis panduan perolehan jurnal elektronik/PDK perlu didokumenkan bagi memudahkan setiap institusi membuat rujukan. Draf pertama telah disediakan dan dibentangkan dalam mesyuarat.
- 5.2 Beberapa pembetulan/tambahan telah dibuat semasa perbincangan. Garis panduan yang telah dikemaskini adalah seperti di Lampiran 1. Garis panduan ini belum muktamad. Ahli JKK PDK yang ingin membuat sebarang pembetulan/tambahan bolehlah majukan kepada pihak sekretariat.

6.0 HAL-HAL LAIN

- 6.1 Senarai PDK langganan setiap IPTA mengikut institusi dan bidang akan dikemaskini setiap tahun. Senarai PDK 2003 akan dimajukan kepada ahli pada tahun hadapan.
- 6.2 Mesyuarat bersetuju untuk menjemput wakil dari setiap institusi yang menjadi ahli PERPUN ke mesyuarat JKK PDK yang akan datang
- 6.3 KUSTEM telah melanggan Proquest Digital Dissertation (teks penuh). Kos langganan USD23,000 untuk 5 pengguna serentak
- 6.4 Penerbit/pembekal yang telah memberikan penerangan ringkas mengenai PDK masing-masing kepada mesyuarat ialah:
 - Access Dunia – Kluwer Academic Press
Cadangan kos konsortia telah dimajukan kepada setiap institusi.
 - IPL -- NewsBank
Akhbar dalam bahasa Inggeris di seluruh dunia. Boleh akses 3 akhbar dalam tempoh percubaan di alamat: <http://infoweb.newsbank.com>.
ID: ukm Katalaluan: ukm

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.

GARIS PANDUAN BAGI PEROLEHAN JURNAL ELEKTRONIK/ PANGKALAN DATA KOMERSIL (PDK)

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan prosedur melanggan jurnal elektronik/PDK yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kecil Pangkalan Data Komersil (JKK PDK).

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 *Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 29 Tahun 1999: Bekalan, penghantaran dan penyerahan **buku-buku** cetakan dan terbitan luar negara kepada semua jabatan kerajaan di Seluruh Semenanjung.* Oleh itu perolehan jurnal bercetak/jurnal elektronik atau PDK tidak tertakluk kepada Pekeliling ini .
- 2.2 Perolehan jurnal elektronik/PDK boleh dilakukan dengan kaedah pesanan biasa iaitu dengan mendapatkan sebutharga seperti diperuntukkan dalam arahan Perbendaharaan.

3.0 GARIS PANDUAN PEROLEHAN JURNAL ELEKTRONIK DAN PDK

3.1 Definisi

- i. Jurnal elektronik -- Jurnal yang telah diformat dalam bentuk digital dan ianya boleh diakses melalui komputer sama ada secara intranet atau internet.
- ii. Pangkalan Data Komersil -- Satu kumpulan data indeks atau maklumat (bibliografik/teks penuh) yang disimpan dan boleh diakses melalui komputer dan ianya dipasarkan sama ada dalam format CD-ROM atau Dalam Talian

3.2 Dasar Perolehan

Dasar Perolehan jurnal elektronik dan PDK yang telah dipersetujui oleh PERPUN (Persidangan Ketua-Ketua Pustakawan dan Pengarah Perpustakaan Universiti dan Negara) adalah seperti berikut:

- i. Perpustakaan digalakkan memperolehi bahan digital khususnya jurnal elektronik dalam usaha untuk mempertingkatkan proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.

- ii. Perpustakaan boleh memberhentikan langganan jurnal bercetak sekiranya jurnal tersebut telah dilanggan secara digital untuk menjimatkan wang dan ruang.
- iii. Bagi perpustakaan yang melanggan terus jurnal dalam bentuk digital tidak diwajibkan selepas itu melanggan dalam bentuk bercetak.
- iv. Arkib bahan digital yang dilanggan sama ada dalam bentuk CD-ROM atau dalam talian boleh diakses walaupun perpustakaan telah menamatkan langganan pada tahun berikutnya.
- v. Perkhidmatan laporan dan statistik penggunaan perlu disediakan dalam talian untuk membolehkan pemantauan dan pengauditan.
- vi. Ahli-ahli perpustakaan diberi kemudahan mengakses pangkalan data serta perkhidmatan-perkhidmatan lain (seperti *downloading, alerting services, pautan, e-mel, dsbnya*) melalui dalam dan luar rangkaian setiap IPTA.

3.3 Kaedah Perolehan

i. Demonstrasi

Pembekal mengadakan sesi demonstrasi kepada ahli akademik/pustakawan dan ini adalah cara terbaik untuk mengetahui jurnal elektronik/PDK terbaru mengikut bidang-bidang tertentu yang terdapat dalam pasaran.

ii. Percubaan secara percuma

Tempoh percubaan sekurang-kurangnya sebulan bagi tujuan penilaian oleh ahli akademik. Maklumbalas dari ahli akademik berserta kriteria-kriteria pemilihan PDK perlu dirujuk untuk membuat keputusan sama ada PDK sesuai untuk dilanggan.

iii. Penilaian dan pemilihan

Kriteria-kriteria asas pemilihan PDK adalah seperti berikut :

- a. Bidang yang diliputi, keutamaan kepada bidang yang boleh dimanfaatkan/digunakan oleh banyak institusi atau IPT.
- b. Perimbangan di antara bidang sains sosial & kemanusiaan dan sains & teknologi.
- c. Jumlah penerbitan atau jurnal yang diliputi, keutamaan kepada teks penuh.

- d. Kemudahan untuk arkib atau *back-up* yang diberikan bertujuan menampung masalah gangguan talian atau rangkaian.
- e. Kaedah akses yang disediakan, rangkaian atau *remote access* iaitu melalui alamat IP atau katalaluan (ID) atau kedua-duanya.
- f. Teknologi yang digunakan untuk pengaksesan, mesra pengguna dan sebagainya.
- g. Pembekal atau vendor yang mengendalikan perkhidmatan, sama ada terdapat wakil tempatan atau serantau atau sebaliknya.
- h. Had dan syarat penggunaan yang ditetapkan oleh pembekal, iaitu jumlah penggunaan serentak, perkongsian sumber dan jenis lesen.

iv. Sebutharga

Pembekal mengemukakan sebutharga sama ada langganan secara individu atau secara konsortia. Sebutharga boleh juga dimohon dari penerbit atau agen dan sekiranya sesuatu pembekal adalah agen tunggal pustakawan perlu memohon surat berkaitan.

v. Rundingan

Jawatankuasa PDK akan mengadakan beberapa rundingan dengan pembekal disamping meneliti duplikasi tajuk yang diliputi oleh sesuatu pangkalan data, terutama yang dibekal secara pakej. Rundingan adalah berdasarkan beberapa perkara seperti berikut:

- a. Pembekal bertindak memberi sebut harga berdasarkan gandaan institusi apabila mengetahui IPTA bekerjasama sebagai konsortia melalui Jawatankuasa Kecil Pangkalan Data Komersil untuk rundingan.
- b. Terdapat duplikasi tajuk di antara pakej serta jumlah liputan yang tinggi tetapi tajuk tidak mempunyai nilai akademik. Strategi ini digunakan untuk mlariskan produk elektronik.
- c. Terdapat juga jurnal-jurnal yang ditangguhkan pengaksesannya (embargo) tetapi telah dimasukkan dalam pakej.
- d. Pembekal mengenakan syarat bagi produk elektronik beserta keperluan syarat langganan naskhah bercetak.
- e. Jawatankuasa Kecil Pangkalan Data Komersil perlu meneliti implikasi undang-undang bagi perjanjian kontrak selaras dengan keperluan institusi dan negara.

- f. Terdapat harga yang ditawarkan kepada konsortia berdasarkan harga asas yang tinggi bagi setiap institusi yang menyebabkan tawaran harga kepada konsortia juga naik, di samping tawaran tajuk tambahan. Ada kes dikesan di mana harga tawaran kepada institusi secara individu untuk tempoh langganan jangka panjang adalah lebih murah daripada harga untuk konsortia.
- g. Persaingan hebat dan persekitaran dinamik seperti '*merger*', '*takeover*' sesuatu entiti pembekal memberi impak dari segi kandungan pangkalan data komersil dan perkhidmatan elektronik.
- h. Pembekal tidak menggalakkan perkongsian sumber dan lesen penggunaan dihadkan kepada pengguna institusi berkenaan sahaja.

vi. Invois

Selepas mendapat persetujuan dalam perundingan, Pembekal akan mengeluarkan invois dan surat perjanjian. Pustakawan perlu membuat perbandingan dengan perpustakaan lain untuk meneliti harga dan syarat-syarat yang dikenakan.

vii. Surat Perjanjian dan Lesen Penggunaan

Surat perjanjian perlu diteliti dan difahami sebelum ditandatangani. Syarat-syarat yang dikenakan perlu dipaparkan kepada pengguna semasa mengakses PDK berkaitan. Beberapa aspek perlu dirunding dalam pembekalan pangkalan data supaya perpustakaan boleh mendapat manfaat yang sewajarnya. Garis panduan berikut boleh digunakan:

- a. Penggunaan dan pengguna
Lesen seharusnya membenarkan ahli perpustakaan iaitu pelajar, fakulti, kakitangan dan ahli-ahli lain mengakses PDK tidak kira di mana mereka berada. Pengguna lain hanya boleh akses dengan menggunakan komputer di dalam perpustakaan sahaja.
- b. Kos langganan
Kos langganan sepatutnya meliputi penggunaan institusi secara menyeluruh (sebagai satu tapak) tanpa mengira di mana pengguna berada.
- c. Bacaan/bacaan lewa
Lesen seharusnya membenarkan pengguna institusi mengakses sama ada melalui penglihatan atau pendengaran semua maklumat yang bukan komersil bagi tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Kemudahan pemunggahan dan percetakan seharusnya selari dengan Akta Hakcipta 1987 di Malaysia.

viii. Pembayaran

Setelah surat perjanjian ditandatangani invois akan diproses dan dimajukan kepada Bendahari. Pustakawan perlu pastikan bahawa pembayaran dibuat sebelum tarikh langganan baru bermula untuk mengelakkan gangguan pembekalan dan pengaksesan maklumat.

4.0 PEMANTAUAN PEMBEKALAN DAN PENGGUNAAN

Aktiviti-aktiviti berikut perlu dilaksanakan untuk proses pengauditan serta mendapat maklumbalas mengenai pembekalan dan penggunaan sebelum judul-judul yang sama disambung langganan untuk tahun-tahun berikutnya:

- i. Pembekalan
 - melalui IP atau ID dan katalaluan
 - PDK boleh diakses – maklumbalas dari pelanggan
 - “back-up” dan arkib – CD
- ii. Promosi
 - Bengkel kesedaran, sesi penerangan, sesi kembara (*roadshow*), brosur, dsbnya
- iii. Etika penggunaan
 - Pengguna perlu dimaklumkan peraturan dan etika penggunaan seperti tidak boleh *download/cetak* lebih daripada yang dibenarkan serta patuh pada syarat-syarat perjanjian.
 - Peraturan-peraturan perlu dipapar sebelum akses dibenarkan.
- iv. Maklumbalas dari pengguna
 - Melalui telefon atau e-mel
- v. Statistik penggunaan
 - Boleh dipantau oleh setiap institusi melalui dalam talian.
 - Bukti penggunaan serta pengauditan.
- vi. Gangguan sistem
 - Pembekal perlu memaklumkan lebih awal kepada pelanggan
 - Pertukaran ID dan katalaluan perlu dimaklumkan lebih awal
- vii. Aduan kerosakan
 - Perlu ada cara (*channel*) untuk memudahkan pelanggan membuat aduan
 - Perlu ada ‘log book’ aduan dan gangguan sistem
- viii. Penambahbaikan
 - Aspek-aspek yang ditingkatkan atau ditambah nilai (*value added*) oleh penerbit/pembekal.

d. Pembekalan Dokumen

Lesen seharusnya membenarkan aktiviti mencetak, salinan faks atau pendigitan maklumat yang dibekalkan oleh penerbit bagi tujuan pembekalan dokumen tertakluk kepada Akta Hakcipta 1987.

e. Hak Akses Kekal

Lesen seharusnya memberikan hak akses kekal kepada pemegang lesen bagi maklumat yang telah dibayar. Sekurang-kurangnya pemegang lesen dibenarkan menyimpan satu salinan fail sebagai arkib dengan syarat pemegang lesen hendaklah sentiasa mematuhi semua peraturan pengaksesan dan penggunaan yang telah ditetapkan semasa menandatangani surat perjanjian.

f. Pengintegrasian Data

Lesen seharusnya tidak menghadkan hak pemegang lesen untuk mengintegrasikan data ke dalam sistem maklumat dalaman institusi terbabit. Walau bagaimanapun sesuatu institusi pada lazimnya tidak boleh “*decompile, disassemble*” atau “*reverse engineer*” produk untuk tujuan pengintegrasian.

g. Pematuhan

Lesen seharusnya tidak memasukkan syarat-syarat yang sukar dipantau oleh pemegang lesen. Pemegang lesen akan memastikan sebaik mungkin pengguna tidak melanggar perjanjian dan akan bertanggungjawab hanya di atas kecuaian atau kesalahan yang dilakukan oleh kakitangan institusi sendiri.

h. Latihan

Semasa sesi latihan, lesen seharusnya membenarkan pemegang lesen mengakses maklumat secara serentak lebih dari bilangan yang telah ditetapkan. Hal ini bergantung pada bilangan peserta yang mengikuti latihan dan jangkamasa yang diperlukan. Pemberi lesen boleh juga menyediakan pangkalan data khusus untuk tujuan latihan.

i. Privasi

Pencarian yang dilakukan oleh setiap pengguna hendaklah dianggap sebagai rahsia dan perlu diberi perlindungan (*protected*).

j. Undang-Undang

Perjanjian hendaklah tertakluk kepada undang-undang negeri di mana pemegang lesen berada.

k. Penamatan akibat pelanggaran lesen

Penamatan akibat pelanggaran lesen hanya boleh berlaku sekiranya kesalahan tersebut dilakukan oleh kakitangan institusi secara sengaja dan berulang.

- ix. Ciri-ciri keselamatan
 - ID dan katalaluan perlu ditukar sekurang-kurangnya sekali setahun

5.0 PEMBAHARUAN LANGGANAN

Langganan jurnal-jurnal elektronik atau PDK harus diperbaharui setiap tahun sekiranya diperlukan oleh ahli akademik dan pelajar. Sebutharga mesti dimohon mulai September supaya pembekalan maklumat tidak terganggu.

6.0 PERAKUAN

Garis panduan ini boleh diterimapakai oleh semua perpustakaan dan perlu dikemaskini dari masa ke semasa.

Disediakan oleh :

*Jawatankuasa Kecil Pangkalan Data Komersil
Perpustakaan
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Tarikh : 15 November 2002

PS/HM/fmn